

BAB 1

Pengenalan

1.0 Pendahuluan

Kamus Dewan (2002), mendefinisikan bahasa sebagai lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia. Abdullah (1974) , pula mengungkapkan bahasa sebagai alat perhubungan timbul secara arbitrari dalam sesebuah masyarakat. Beliau juga menyatakan bahawa bahasa juga merupakan satu ciri sosial yang amat penting kerana tanpa bahasa ahli sesebuah masyarakat tidak dapat berkomunikasi antara mereka.

Menurut Sapir, E. (1921), bahasa merupakan seni kolektif terbesar yang diketahui oleh manusia. Sesuatu bahasa bertambah dan berkembang mengikut perubahan zaman penuturnya. Perkembangan bahasa itu merupakan proses yang berterusan sehingga penuturnya sendiri kadang-kadang tidak memahaminya. Dengan adanya golongan tua dan muda dalam masyarakat maka perkembangan bahasa akan berlaku daripada zaman generasi tua kepada zaman generasi muda. Perkembangan bahasa yang berlaku pada zaman muda yang moden ini membawa kepada beberapa fenomena kepada bahasa itu sendiri. Antaranya adalah fenomena pertukaran kod. Kamus Linguistik (1977 : 8), mendefinisikan penukaran kod sebagai penggunaan kelainan bahasa atau bahasa-bahasa lain semasa berkomunikasi. Ini bergantung kepada siapa seseorang itu bercakap.

1.1 Kepentingan Bahasa kepada Manusia

Asmah Hj.Omar (1986), menekankan betapa pentingnya bahasa sebagai alat komunikasi atau perhubungan antara manusia dalam kehidupan harian. Menurut beliau, bahasa yang digunakan merupakan sistem lambang yang mengaitkan maksud atau fikiran manusia dengan sesuatu benda yang konkrit ataupun abstrak agar pengguna bahasa dapat memahami sesuatu benda yang dituturkan itu.

Muhamad Md. Yusof (1993), dalam artikelnya menyatakan bahawa penggunaan bahasa dalam proses komunikasi merupakan satu aspek yang sangat penting. Menurut beliau terdapat beberapa ketetapan yang menentukan proses penyampaian dan penerimaan mesej berlaku dengan berkesan. Oleh yang demikian, bahasa berfungsi sebagai penghubung yang baik antara manusia. Bahasa yang tepat merupakan inti komunikasi yang berkesan. Kewibawaan seseorang tertakluk pada bahasa yang digunakannya di mana ia dengan sendirinya akan meningkatkan imej seseorang itu. Tambah beliau lagi, bahasa bukan sahaja berperanan sebagai pembawa imej tetapi juga sebagai alat untuk menyampaikan makna yang ingin dikemukakan sama ada melalui bunyi mahupun secara bertulis. Oleh sebab itu, bahasa selalu dinyatakan sebagai alat komunikasi yang paling berkesan. Tidak hairanlah jika bahasa itu dilihat sebagai satu simbol yang berkait rapat dengan penggunaannya. Lantaran itu pendapat yang mengatakan bahawa bahasa dan masyarakat tidak dapat dipisahkan adalah benar. Ini kerana bahasa merupakan seni kolektif yang perlu diketahui manusia. Dalam hal ini, bahasa memegang peranan sebagai alat perhubungan dan alat sosial. Ini adalah benar kerana bahasa melambangkan cara hidup dan budaya sesuatu masyarakat dan bangsa. Setiap bahasa di dunia ini

melambangkan identiti dan sikap masyarakatnya yang menuturkan bahasa itu. Dengan itu, bolehlah dikatakan bahawa bahasa bukan sahaja berperanan sebagai alat perhubungan malah juga sebagai identiti diri dan bangsa.

1.1.1 Bahasa dalam Masyarakat Multilingual

Masyarakat Multilingual merujuk kepada masyarakat sesuatu tempat atau negara yang mempunyai penduduk yang boleh bertutur lebih dari dua bahasa. Mereka terdiri daripada pelbagai etnik yang mempraktikkan pelbagai adat dan budaya dalam amalan harian mereka. Mereka juga dikenali sebagai masyarakat majmuk. Terdapat banyak persamaan dan perbezaan dalam ciri-ciri budaya mereka. Antara ciri budaya yang paling menonjol adalah bahasa. Seperti kata Asmah Haji Omar (1986), bahasa yang digunakan merupakan sistem lambang yang mengaitkan maksud atau fikiran manusia, maka bahasa menjadi alat perhubungan antara sesama etnik atau antara etnik atau sesebuah negara. Pengaruh suatu bahasa dalam masyarakat bergantung kepada kuasa tuan punya bahasa itu. Sekiranya pemilik bahasa itu merupakan penduduk majoriti sesuatu tempat atau negara maka bahasa itu menjadi bahasa rasmi atau bahasa utama. Bahasa itu digunakan sebagai bahasa pengantar antara etnik. Bahasa bangsa minoriti pula akan digunakan sesama etnik sahaja.

1.1.2 Bahasa dalam Situasi Masyarakat Multilingual di Malaysia.

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk. Yang mana rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum yang mengamalkan dasar bahasa dan budaya yang berbeza. Mereka terdiri daripada kaum Melayu, kaum Cina, kaum India dan suku kaum dari Sabah dan

Sarawak. Masyarakat Melayu di semenanjung Tanah Melayu dan golongan sub – etnik dari rumpun Astronesia seperti Iban, Kadazan, Murut, Dayak dan Bajau dikategorikan sebagai etnik Bumiputera. Kaum Melayu merupakan kaum utama ataupun majoriti di Malaysia. Manakala kaum Cina dan India merupakan dua kaum terbesar di negara ini di samping suku kaum lain dari Sabah dan Sarawak. Situasi ini diperincikan dalam jadual di bawah:-

Jadual 1.1

Bilangan Penduduk di Malaysia Mengikut Kumpulan Etnik

Kumpulan Etnik	Bilangan Penduduk	Peratus
Bumiputera	17,104,823	67.8
Cina	6,051,419	24,0
India	1,792,151	7.1
Lain-lain	279,296	1.1
Jumlah	25,227,689	100.0

(Sember : Jabatan Perangkaan Malaysia,2000)

Keadaan di atas, jelas membuktikan bahawa masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum yang menggunakan pelbagai bahasa dalam amalan harian mereka. Kaum Melayu menggunakan bahasa Melayu, kaum Cina menggunakan bahasa Mandarin dan kaum India menggunakan bahasa Tamil di samping kaum pelbagai etnik Sabah dan Sarawak menggunakan bahasa suku kaum masing-masing. Walau bagaimanapun bahasa Malaysia menjadi bahasa utama negara ini kerana majoriti penduduk negara ini

adalah orang Melayu, Maka bahasa Melayu dinobatkan sebagai bahasa kebangsaan negara ini. Ini termaktub dalam perlembagaan negara ini.

1.1.3 Perkara 152 dalam Perlembagaan Malaysia

Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagaimanapun tidak menafikan kedudukan dan hak bahasa lain untuk digunakan, dipelajari dan dikembangkan sekalipun dengan menggunakan dana awam. Ia dijelaskan oleh **Perkara 152, Bahasa Kebangsaan** seperti di bawah :-

- (1) Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen. Dengan syarat bahawa:-
 - (a) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi), atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain dan
 - (b) tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menjejaskan hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain di dalam Persekutuan.
- (2) Walau apapun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, bahasa Inggeris boleh digunakan di dalam kedua-dua Majlis Parlimen, di dalam Dewan Undangan tiap-tiap negeri, dan bagi segala maksud rasmi yang lain.

Keadaan di atas jelas membuktikan bahawa kaum-kaum lain di Malaysia masih diberi peluang untuk mempelajari bahasa mereka. Tetapi yang nyata adalah situasi multilingual yang wujud dalam negara ini dengan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris menjadi bahasa utama dan bahasa Mandarin dan bahasa Tamil berperanan sebagai bahasa sampingan.

1.2 Masyarakat India di Malaysia

Kaum India di Malaysia terdiri daripada empat sub-etnik yang utama. Iaitu kumpulan sub-etnik Tamil, Telugu, Malayalee, dan suku kaum Punjabi. Menurut buku Negara Kita (1983), sebahagian besar buruh India yang datang ke Malaysia berasal dari negeri-negeri India selatan seperti Tamil Nadu, Andhra Pradesh dan Kerala.

1.2.1 Kedatangan Awal Masyarakat India Ke Tanah Melayu

Hubungan Tanah Besar India dengan Tanah Melayu atau yang lebih dikenali sebagai Swarnabhumi oleh penduduk India khususnya penduduk India selatan dan khasnya orang-orang Tamil, telah bermula sejak abad pertama kurun masehi lagi. Hubungan ini berakar umbi melalui aktiviti perdagangan. Keinginan mencari kekayaan telah mendorong orang India menyeberangi lautan timur dan barat benua kecil India. Dalam usaha berdagang ini ada yang telah berkahwin dengan gadis-gadis tempatan. Menurut Saraswathy (2003), pertukaran fikiran antara masyarakat India dengan masyarakat Asia Tenggara dapat dilihat dalam banyak aspek-aspek seperti konsep diraja, kesenian, budaya dan bahasa.

1.2.2 Kemasukan Orang India ke Tanah Melayu Pada Zaman Penjajahan

Kehadiran kuasa British selepas Perjanjian Inggeris Belanda telah membawa satu era baru dalam komposisi penduduk di negara ini.. Pengenalan Negeri-negeri Selat - Pulau Pinang, Melaka dan Singapura oleh pihak British antara tahun 1786 hingga 1824 memulakan satu aliran masuk tidak putus-putus orang-orang India ke dalam Tanah Melayu. Mereka terdiri daripada buruh, pedagang, supai, dan banduan. Mereka melibatkan diri dalam bidang pembinaan, pertanian dagangan, pertahanan, dan perdagangan.

Kemasukan imigran ini pesat berlaku sejak awal abad ke 19. Murasu Nedumaran (1997), Kulandasamy (1990) dan Kandan (1979) berpendapat bahawa penghijrahan orang-orang India Selatan khususnya orang-orang Tamil, berlaku pada akhir abad ke 18 iaitu selepas kemasukan kuasa-kuasa Barat di India. Menurut Murasu Nedumaran (1997), penjajah-penjajah khususnya British telah membawa orang-orang India ke negara-negara yang berada di bawah jajahan mereka. Orang-orang India dibawa ke negara-negara jajahan British untuk bekerja sebagai buruh di ladang-ladang getah, kopi, tebu dan sebagainya. Ini kerana pihak British memerlukan tenaga buruh yang murah dan mahir bagi menampung keperluan tenaga pekerja di ladang-ladang dan juga untuk kerja-kerja lain. Pihak British juga memerlukan pekerja yang sanggup bekerja keras dengan upah yang murah. Pada pandangan British buruh yang berasal dari India Selatan merupakan orang yang paling sesuai dijadikan buruh upahan murah di atas muka bumi. (Murasu Nedumaran 1997:54).

Kemasukan orang India sebagai buruh ladang berlaku pada tahun 1840-an. Kumpulan kedua ini dibawa untuk bekerja di ladang-ladang tebu di Province Wellesley. Peladang Eropah lebih suka menggunakan buruh India kerana upahnya murah. Kewujudan

pentadbiran British di India memudahkan lagi tugas pengambilan buruh dari India ke tanah jajahannya. Setelah campur tangan British, ladang-ladang kopi dan teh pula mula dibuka di negeri-negeri Melayu di bawah naungan British. Sekali lagi buruh dibawa dari India kerana kebanyakan peladang terdiri daripada orang Eropah. Mereka memang merasa lebih senang mengupah buruh India (Negara Kita, 1983).

1.2.3 Kaum India dalam Masyarakat Multilingual

Kaum India di negara ini terdiri daripada pelbagai sub-etnik Tamil, Telugu, Malayali, Punjabi, Gujarati, Benggali dan Sinhala. Berdasarkan bancian Jabatan Perangkaan Malaysia kaum Tamil merupakan kumpulan etnik yang terbesar dalam komposisi masyarakat India di negara ini. Ia dapat dilihat dalam jadual 1.2.

Jadual 1.2 : Bilangan Penduduk India di Malaysia Mengikut Sub-etniknya.

Sub-etnik	Lelaki	Perempuan	Jumlah	%
Tamil	693924	696727	1390651	88.0
Telugu	19206	19668	38875	2.5
Malayalee	17324	17920	35244	2.2
Punjabi	27708	27198	54906	3.5
Tamil Jaffna	4127	4392	8519	0.5
Sinhala	781	820	1601	0.1
Bangladesh	1677	1207	2994	0.2
Pakistan	3895	3295	7190	0.5
Lain-lain	20601	19740	40431	2.6
Jumlah	789243	790967	1580210	100.00

(Sumber : Bancian 2000, Jabatan Perangkaan Malaysia)

Berdasarkan jadual di 1.2, boleh disimpulkan bahawa kumpulan etnik Tamil merupakan kaum utama dalam senarai penduduk India yang menjadi rakyat negara ini.. Oleh itu, bolehlah dibuat andaian bahawa bahasa komunikasi utama yang digunakan dalam kalangan masyarakat India adalah bahasa Tamil.

Masyarakat yang berlainan budaya dan bahasa ini hidup di sebuah negara yang rakyat pribuminya menurut suatu bahasa yang tidak serumpun dengan yang dituturkan oleh masyarakat mereka. Selain itu bahasa penjajah iaitu bahasa Inggeris juga digunakan secara meluas. Di samping menggunakan bahasa ibunda mereka dalam aktiviti harian mereka juga menggunakan bahasa rasmi negara dan juga bahasa antarabangsa dalam hidupan harian mereka.

1.3 Pendidikan Tamil di Malaysia

Pendidikan Tamil di Tanah Melayu mahupun Malaysia berakar umbi daripada perkembangan sekolah-sekolah Tamil sejak wujudnya sekolah-sekolah Tamil di lading-ladang. Pendidikan Tamil bagi kanak-kanak di Tanah Melayu telah bermula secara informal di pondok-pondok kecil yang dikenali sebagai "*Thinnai Palli*". Pengajaran diadakan di serambi rumah guru atau rumah pelajar. Pada kebiasaannya, seorang sami kuil yang akan berperanan sebagai guru. Bilangan murid pula tidak begitu ramai dan buku-buku jarang digunakan. Pada kebiasaannya pelajar akan mula belajar menulis abjad di atas pasir. Waktu pengajaran juga bergantung kepada waktu lapang guru yang mengajar.

1.3.1 Perkembangan Pendidikan Tamil pada peringkat sekolah rendah.

Selepas menduduki Pulau Pinang pada tahun 1786, Pihak British mula membawa masuk orang-orang India untuk berkhidmat sebagai doktor, guru, anggota polis serta tentera di Pulau Pinang dan pada tahun 1840-an pihak British membawa masuk buruh-buruh India untuk bekerja di ladang-ladang kopi, kelapa dan tebu. Pada tahun 1890-an penambahan dalam bilangan penduduk di ladang getah semakin bertambah. Pembancian penduduk pada tahun 1901 menunjukkan bahawa bilangan penduduk Tamil di Tanah Melayu adalah seramai 115, 532. Ini membawa kepada penubuhan sekolah Tamil ([www.jabatan pelajaran perak.com](http://www.jabatan_pelajaran_perak.com)). Fakta di atas membuktikan bahawa sekolah-sekolah Tamil dimulakan di negeri - negeri Selat dan kemudiannya baru berkembang ke negeri-negeri lain.

1.3.2 Pendidikan Tamil sebelum Merdeka

Menjelang tahun 1905 , sebilangan besar sekolah Tamil yang terdapat di negara ini adalah sekolah - sekolah estet yang terdiri daripada bangunan lama yang berfungsi sebagai sekolah. Kerani , *Kanggani* , pembantu perubatan atau pekerja estet diarahkan menjadi guru . Masa tugas adalah selama dua hingga tiga jam sehari. Buku-buku dibawa masuk dari India serta Ceylon dan tidak mempunyai sukatan yang tetap. Kemahiran-kemahiran seperti menulis dan mengira sahaja diajar. Memandangkan pendidikan tidak diwajibkan pada masa itu maka bilangan penuntut pun tidak begitu ramai.

Semasa zaman penjajahan Jepun (1942 -1945), Tanah Melayu berada di bawah cengkaman Jepun. Zaman ini dilihat sebagai zaman kemerosotan pendidikan bahasa Tamil di Tanah Melayu. Ini disebabkan orang Jepun telah menjadikan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar di sekolah pada masa tersebut. Guru-guru juga diberi latihan mengajar bahasa Jepun. Maka pendidikan Tamil pada zaman Jepun tidak bertunjangkan sebarang dasar melainkan menanamkan sikap taat setia kepada Jepun.

Terdapat beberapa laporan pendidikan yang disediakan semasa zaman penjajahan British di Tanah Melayu. “Laporan Barnes, (1950) yang disediakan oleh L.J Barnes. Laporan ini bertujuan untuk mengkaji dan memperbaiki kedudukan pendidikan orang Melayu. Antara syor yang dikemukakan melalui laporan ini adalah sekolah-sekolah venakular ditukarkan kepada sekolah kebangsaan dan akan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Laporan kedua yang berkait rapat dengan pendidikan Venakular sebelum merdeka adalah Laporan Fenn- Wu (1951). Laporan ini diketuai oleh Dr.Fenn. (Setiausaha Kerja Bersekutu-Negara China) dan Dr.Wu (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu). Laporan ini bertujuan mengkaji semula Laporan Barnes. Laporan Fenn – Wu telah mengesyorkan bahawa sekolah venakular dibenarkan berfungsi dan menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Tambahan pula bahasa kebangsaan akan digunakan.

Jawatankuasa pendidikan Tamil yang ditubuhkan pada tahun 1951 telah meneliti dan mengkaji peluang pendidikan di sekolah Tamil dan mencadangkan beberapa perubahan

signifikan yang boleh memastikan peningkatan bilangan pelajar Tamil dan juga penerimaan ilmu yang maksimum dalam kalangan murid sekolah . Antara cadangan yang dikemukakan ialah memperkenalkan pengajaran dwi bahasa di sekolah Tamil iaitu bahasa Inggeris pada tahun empat dan bahasa Melayu pada tahun Lima. (Yayasan Strategik Sosial, (2001).

Menteri pelajaran Tanah Melayu yang pertama Abdul Razak , telah mengkaji sistem pelajaran pada ketika itu dan telah mencadangkan beberapa pembaharuan. Laporan beliau dikenali sebagai Penyata Razak (1956). Penyata ini telah mencadangkan agar satu sistem pendidikan yang boleh diterima umum diguna pakai. Pada keseluruhannya, sistem pendidikan yang bertujuan memenuhi keperluan rakyat dan membangunkan masyarakat Malaysia dari aspek budaya, sosial, ekonomi dan politik telah dicadangkan. Maka usaha membangunkan bangsa melalui bahasa telah berjalan lancar melalui sekolah Tamil.

1.3.3 Kedudukan sekolah Tamil selepas Merdeka

Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Kemerdekaan telah menyediakan Tanah Melayu berkerajaan sendiri. Maka sebagai negara baru Tanah Melayu telah menggubal beberapa dasar baru. Antaranya yang penting adalah dasar pendidikan negara yang dikaji semula. Menteri Pendidikan Tanah Melayu yang kedua, Rahman Talib telah mengkaji semula sistem pendidikan negara pada tahun 1960 dan mengemukakan Laporan Rahman Talib (1960). Laporan ini mengesyorkan bahawa semua sekolah Melayu dijadikan Sekolah Kebangsaan (SK) dan sekolah Tamil dan

sekolah Cina dijadikan Sekolah Jenis Kebangsaan(SJK). Hasil perubahan ini membawa peningkatan murid di sekolah Tamil sebanyak 79,203 pada tahun 1967. Namun bilangan sekolah telah mula berkurangan. Berikut adalah jadual yang menunjukkan bilangan sekolah Tamil sehingga tahun 2007.

Jadual 1.3

Bilangan Sekolah Tamil Mengikut Tahun dan bilangan murid

Tahun	1957	1967	1976	1986	1996	2006	2007
Bilangan Sekolah Tamil	888	686	606	555	531	523	523
Bilangan Murid	50766	79203	80103	81051	99521	101972	105618

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia

Pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 telah membawa satu era baru kepada sekolah Tamil amnya dan bahasa Tamil khasnya. KBSR yang menekankan penguasaan kemahiran 3M telah membawa perubahan penting kepada SJK(T) untuk meningkatkan prestasinya dengan memberi kemahiran asas kepada pelajar-pelajar di sekolah tersebut. Pengajaran Bahasa Tamil, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dilihat sebagai menyediakan murid-murid sekolah Tamil ke arah cabaran nasional dan global mula menampakkan hasilnya. Murid-murid SJK(T) yang selama ini hanya menjadi jaguh kampung sahaja dengan menguasai bahasa ibunda sahaja, mula memahirkan diri dalam lebih dari satu bahasa. Pengajaran Bahasa Melayu juga mula diutamakan dari semasa ke semasa dengan pemberatan sama rata kepada bahasa ibunda dan bahasa Inggeris. Ini adalah bertujuan untuk membiasakan murid-

murid dengan suasana pendidikan masa depan yang lebih terjurus kepada bahasa kebangsaan dan bahasa antarabangsa.

1.3.4 Pendidikan Tamil di sekolah menengah

Akta Pelajaran kebangsaan (1961), yang digubal berdasarkan Penyata Razak dan Rahman Talib telah menyeleraskan sistem pendidikan Tamil dengan aliran lain. Ini membolehkan pelajar-pelajar dari SJK(T) memasuki sistem pendidikan menengah. Walaupun tidak terdapat pendidikan menengah dalam aliran Tamil yang khusus, namun bahasa Tamil diajar melalui kelas bahasa ibunda. Pengenalan sekolah menengah kepada anak-anak Tamil merupakan satu titik tolak ke arah pembentukan masyarakat majmuk dalam negara ini. Murid-murid Tamil yang selama ini hanya bertutur dalam bahasa Tamil sesama golongan etnik sendiri kini terdedah kepada masyarakat multilingual khasnya murid-murid Melayu dan Cina.

Pendidikan Tamil di sekolah menengah telah diberi pertimbangan dalam kedua-dua kurikulum yang diperkenalkan selepas merdeka sama ada Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) ataupun Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM). Matapelajaran bahasa Tamil diajar dari Kelas Peralihan hingga tingkatan Lima. Pelajar yang mempelajari bahasa Tamil akan menduduki peperiksaan di Tingkatan Tiga iaitu Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) yang kemudiannya ditukarkan nama kepada Penilaian Menengah Rendah (PMR) apabila KBSM diperkenalkan.

Para pelajar di sekolah menengah boleh melanjutkan pembelajaran bahasa Tamil untuk tempoh dua tahun lagi selepas peperiksaan PMR. Kini mereka boleh mendalami

pengetahuan dalam bahasa Tamil dengan mengikuti kelas bahasa Tamil di tingkatan Empat dan Lima. Mereka juga berpeluang untuk mempelajari Kesusasteraan Tamil sebagai mata pelajaran luar KBSM. Pada akhir Tingkatan Lima mereka akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Di mana bahasa Tamil dan Kesusasteraan Tamil ditawarkan sebagai mata pelajaran peperiksaan SPM. Gred Bahasa Tamil dan Kesusasteraan Tamil dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia diambil kira bagi tujuan kemasukan pengajian yang lebih tinggi.

1.4 Kedudukan Bahasa Tamil dari Aspek pendidikan di Malaysia Pada

Abad ke -20

Pengenalan pelbagai aspek teknologi pendidikan, latihan keguruan yang bermutu serta kesedaran ibu bapa telah membawa banyak perubahan kepada institusi pendidikan Tamil. Kini terdapat sebanyak 7 buah Institusi Pendidikan Guru di seluruh Malaysia yang menawarkan latihan keguruan Tamil bagi melatih guru-guru Tamil ke sekolah rendah dan menengah. Guru-guru yang ditawarkan menerima latihan di Institusi Pendidikan Guru mendapat latihan dalam dwi bahasa ataupun tiga bahasa bagi menghadapi cabaran suasana multilingual. Seseorang guru Tamil juga dilatih untuk menjadi guru bahasa Melayu. Maka pelatih Institusi Pendidikan Guru ini dilihat sebagai pakar bahasa yang fasih dalam lebih dari satu bahasa. Para guru ini boleh ditempatkan di SJKT atau di SK mengikut keperluan semasa.

Pada tahun 1956 , Jabatan Pengajian India di Universiti Malaya ditubuhkan melalui cadangan dari Suruhanjaya Carrsaunders. Pelajar-pelajar yang telah diberi peluang

melanjutkan pelajaran mereka dalam bahasa Tamil hingga ke peringkat kedoktoran dalam bidang kesusasteraan. Pada tahun 1998 pula kursus Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Tamil diwujudkan di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Bahasa Tamil juga diajar sebagai bahasa kedua di Universiti Putra Malaysia, Univrsiti Sains Sabah (UNIMAS). Ini membuktikan pengiktirafan bahasa Tamil sebagai salah satu cabang bahasa Masyarakat Multilingual Malaysia.

Menurut Jamaliah (1995), di bandar, bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan penukaran kod dalam bahasa Inggeris dan bahasa Tamil kerap digunakan oleh masyarakat Tamil berpendidikan Inggeris. Bahasa Inggeris telah menjadi bahasa pertama natif bagi sesetengah golongan India khususnya di bandar.

Menurut P.Balasubramaniam (1989), dalam tesisnya yang berjudul “*Descriptive study Of Standard Spoken Tamil In Malaysia*”, kebanyakan keluarga India khususnya di bandar - bandar menggunakan banyak perkataan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam komunikasinya setiap hari semasa mereka bertutur dalam bahasa Tamil. Penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam domain kekeluargaan merupakan pengaruh daripada bahasa pengantar sekolah hinggá ke universiti yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Oleh yang demikian , penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu memudahkan dan melancarkan komunikasi.

1.5 Pernyataan Masalah

Masyarakat Malaysia merupakan masyarakat multilingual. Penggunaan pelbagai bahasa amat ketara dalam kalangan masyarakat di negara ini. Namun demikian bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa menjadi bahasa komunikasi utama negara ini. Kedua-dua bahasa ini menjadi bahasa perhubungan dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa dan bahasa. Tambahan pula bahasa Malaysia merupakan bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah menengah dan bahasa Inggeris pula menjadi bahasa yang digunakan bagi pengajaran mata pelajaran sains dan matematik di sekolah-sekolah Malaysia. Perubahan dalam dasar pendidikan juga telah mengorak langkah ke arah kewujudan masyarakat dwibahasa dan masyarakat polibahasa.

Bahasa Tamil digunakan dengan meluas dalam setiap aktiviti yang dijalankan dalam kalangan masyarakat India di negara ini. Media cetak dan media elektronik serta sistem hiburan yang melibatkan kaum India banyak menggunakan Bahasa Tamil sebagai media perantara. Bukan setakat itu sahaja, kerajaan Malaysia melalui perlembagaannya dalam Artikel 152 telah membenarkan setiap kaum di negara ini mempraktikkan amalan budaya masing-masing dalam setiap bidang termasuk bidang pendidikan. Maka bahasa Tamil telah dijadikan bahasa pengantar di sekolah-sekolah aliran Tamil. Bahasa Tamil juga dijadikan salah satu mata pelajaran elektif di peringkat sekolah menengah dan di pusat pengajian tinggi.

Walaupun bahasa Tamil diajar secara formal di Sekolah jenis kebangsaan Tamil dan juga di sekolah menengah tetapi para penggunanya lebih cenderung untuk menggunakan

Bahasa Tamil yang dicampuradukkan dengan bahasa-bahasa asing dalam pertuturan mereka. Fenomena ini dapat juga dilihat di bilik darjah sewaktu pelajar-pelajar mengikuti mata pelajaran bahasa Tamil.

Penukaran dan pembauran kod mungkin dianggap sebagai satu kebiasaan bagi penutur-penutur asli yang hidup dalam situasi multilingual. Tetapi penukaran dan pembauran kod ini tidak seharusnya berlaku dalam situasi pembelajaran sesuatu bahasa secara formal. Maka dengan ini, wajarlah dikaji bentuk bahasa yang digunakan oleh penutur bahasa Tamil khasnya pelajar-pelajar Tamil sekolah menengah semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil secara formal.

1.6 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji fenomena penggunaan bahasa Tamil dalam kalangan pelajar-pelajar Tamil sekolah menengah. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengetahui sama ada berlakunya atau tidak penukaran kod dan pembauran kod dalam pertuturan pelajar-pelajar sekolah menengah semasa pembelajaran bahasa Tamil secara formal di bilik darjah.
- ii. Untuk mengkaji sebab-sebab berlakunya penukaran kod dan pembauran kod dalam kalangan pelajar Tamil di sekolah menengah.
- iii. Untuk mengetahui jenis bahasa yang kerap digunakan dalam penukaran dan pembauran kod ke dalam bahasa utama oleh pelajar-pelajar Tamil sekolah menengah.

- iv. Untuk meninjau faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penukaran kod dan pembauran kod serta fungsinya.

1.6.1 Persoalan Kajian

Pengkaji telah menentukan soalan kajian berdasarkan objektif kajiannya supaya tidak menyeleweng daripada tajuknya. Berikut adalah beberapa persoalan yang timbul dan akan dikaji dalam penyelidikan ini:

- i. Apakah tahap penukaran kod dan pembauran kod yang berlaku pada peringkat perkataan frasa dan ayat dalam kalangan pelajar di sekolah menengah?
- ii. Apakah bahasa yang lebih kerap digunakan dalam penukaran dan pembauran kod ke dalam bahasa utama?
- iii. Apakah golongan kata yang paling banyak dibaurkan?
- iv. Apakah pola-pola perlakuan penukaran dan pembauran kod yang wujud dalam pertuturan pelajar-pelajar sekolah menengah?
- v. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya fenomena penukarankod dan pembauran kod dalam kalangan pelajar Tamil di sekolah menengah?
- vi. Apakah fungsi penukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran?

1.6.2 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk melihat kelainan dan keunikan bahasa Tamil yang terdapat dalam penuturan pelajar-pelajar Tamil di sekolah menengah. Bahasa Tamil yang digunakan oleh pelajar-pelajar Tamil di sekolah menengah memperlihatkan ciri-ciri variasi baru berbanding dengan bahasa Tamil tradisi. Ini mungkin kerana berlakunya penukaran dan pembauran kod dalam penuturan dalam kalangan pelajar-pelajar di sekolah menengah.

Pengkaji menyedari bahawa kepelbagaian bahasa dan budaya yang terdapat di Malaysia telah banyak mempengaruhi kehidupan seharian masyarakat India di Malaysia. Maka, kajian ini amat penting untuk menjelaskan sejauh manakah pelbagai bahasa masyarakat berbilang kaum di Malaysia mempengaruhi penuturan bahasa Tamil dalam kalangan pelajar-pelajar Tamil di sekolah menengah di Malaysia. Ia juga akan memperlihatkan kekuatan pengaruh sesuatu bahasa terhadap bahasa ibunda sesuatu golongan etnik, iaitu masyarakat Tamil.

Hasil kajian ini akan memberi satu gambaran menyeluruh tentang ciri-ciri bahasa Tamil yang digunakan oleh pelajar-pelajar Tamil di sekolah menengah. Kajian ini akan memperlihatkan sama ada keaslian bahasa Tamil masih dikekalkan atau wujudnya satu bentuk bahasa Tamil yang unik dalam kalangan masyarakat pelajar Tamil di Malaysia. Ini kerana pelajar Tamil pada masa kini mula menggunakan pelbagai bahasa seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam pertuturan bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Tamil serta cara menyebut sesuatu istilah agak berlainan daripada sebutan bahasa Tamil.

Pengkaji merasakan bahawa kajian ini penting kerana hasil penemuan kajian ini akan dijadikan input bagi penggubal dasar bahasa Tamil di negara ini untuk menentukan cara terbaik yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil agar ianya tidak kehilangan keasliannya.

1.6.3 Batasan Kajian

Kajian ini terhad kepada penukaran kod dan pembauran kod yang berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar Tamil tingkatan lima sahaja. Kajian ini berdasarkan rakaman situasi formal dalam bilik darjah sewaktu pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil dijalankan.

Pengkaji akan memfokuskan pada bahasa – pertuturan yang digunakan oleh pelajar-pelajar sekolah menengah untuk membincang tajuk-tajuk karangan. Responden-responden yang akan terlibat dalam kajian ini adalah seramai merupakan 35 orang pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda, Kuala Lumpur. Responden-responden ini terdiri daripada pelajar Tamil yang datang dari sekolah rendah aliran Tamil. Mereka merupakan pelajar-pelajar yang diajar oleh pengkaji sendiri.

Latar belakang sosiobudaya pelajar tidak akan diambilkira semasa pengumpulan maklumat untuk menentukan sebab-sebab berlakunya fenomena dan penukaran kod dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah.

1.7 Definisi Istilah

Bagi memudahkan pemahaman pembaca, pengkaji telah memberikan definisi kepada beberapa istilah penting seperti yang telah digunakana dalam kajian ini. Fahaman tentang masyarakat dwibahasa, masyarakat polibahasa, penukaran kod, pembauran kod, peringkat-peringkat pembuaran kod harus diperhalusi agar ianya memudahkan pembacaan.

1.7.1 Masyarakat Dwibahasa

Masyarakat dwibahasa bermaksud golongan manusia yang mempunyai kebolehan berbahasa menggunakan dua bahasa. Secara amnya bahasa pertama merupakan bahasa ibunda sendiri dan bahasa kedua pula adalah yang dipelajari bagi sesuatu tujuan. Menurut kamus Bahasa Melayu Nusantara (2000), dwibahasa diertikan sebagai suatu yang ditulis atau yang dinyatakan dalam dua bahasa. Kedwibahasaan dimaksudkan sebagai penggunaan dua bahasa. Kamus linguistik (1997), pula mentakrifkan dwibahasa sebagai situasi penggunaan yang melibatkan dua bahasa.

1.7.2 Masyarakat Polibahasa (Multilingual)

Kamus Linguistik (1997), mendefinisikan istilah multilingual sebagai situasi penggunaan yang berkaitan lebih daripada dua bahasa. Maka istilah Masyarakat Multilingual atau Masyarakat Polibahasa merujuk kepada golongan manusia yang mempunyai kebolehan untuk bertutur dan berkomunikasi lebih dari dua bahasa. Pada kebiasaannya bahasa pertama adalah bahasa ibunda manakala bahasa kedua dan bahasa ketiga adalah bahasa yang dipelajari. Contoh yang paling nyata adalah kaum India adalah masyarakat

dwibahasa, di mana Bahasa Tamil sebagai bahasa ibunda menjadi bahasa pertama mereka. Manakala bahasa Malaysia yang menjadi Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua yang dipelajari. Maka penggunaan dua bahasa dalam komunikasi harian bukan asing bagi mereka. Hal yang sama turut dilakukan oleh kaum Melayu dan Cina di negara ini.

1.7.3 Penukaran Kod

Kamus Linguistik (1977 : 8), mendefinisikan penukaran kod sebagai penggunaan kelainan bahasa atau bahasa-bahasa lain semasa berkomunikasi. Ini bergantung kepada siapa seseorang itu bercakap. Menurut Asmah Haji Omar (1982 : 128), mendefinisikan kod sebagai bahasa, dialek atau stail. Pada pandangan beliau penukaran kod merupakan perubahan dari satu mod ke mod yang lain. Penukaran kod juga dikenali sebagai pengalihan kod (*code -shifting*). Terdapat satu lagi istilah yang berkaitan dengan penukaran kod, iaitu percampuran kod atau pembauran kod (*code- mixing*). Percampuran kod terjadi dalam pelbagai bentuk termasuklah pada peringkat perkataan , frasa, dan klausa.

1.7.3 Pembauran Kod

Menurut Kamus Dewan (2002), perkataan baur bermaksud ‘campur aduk antara satu dengan yang lain atau menambah sesuatu supaya bercampur’. Berdasarkan penjelasan ini perkataan pembauran boleh disamakan dengan perkataan percampuran. Maka percampuran kod boleh juga disebut sebagai pembauran kod. Istilah ini kurang dikaji oleh pengkaji. Namun terdapat perbezaan antara penukaran kod dan pembauran kod.

1.7.4 Perkataan

Perkataan ditakrifkan sebagai unit bebas dan terkecil yang membawa maksud. Ianya boleh berdiri dengan sendiri dan tidak boleh dibahagikan kepada bentuk tatabahasa yang lebih kecil lagi. (Nik Safiah, Kamus Tatabahasa Dewan, 2008). Percampuran jenis ini hanya melibatkan beberapa perkataan dalam sesuatu ayat tanpa berlaku perubahan pada imbuhan akhiran bahasa pertama.

1.7.5 Frasa

Frasa ialah unit yang terdiri daripada dua perkataan yang membawa satu maksud. Tatabahasa Dewan (2008), merangkumkan bahawa frasa ini boleh terdiri daripada satu susunan yang mengandungi sekurang-kurangnya dua perkataan, ataupun satu perkataan yang berpotensi untuk menjadi dua perkataan atau lebih. Percampuran kod jenis ini melibatkan frasa majmuk dalam sesuatu ayat yang ditukarkan kod. Percampuran ini berlaku tanpa melibatkan sebarang perubahan imbuhan pada bahasa pertama.

1.7.7 Ayat

Menurut kamus Tatabahasa Dewan (2008), ayat ialah pengucapan yang paling tinggi dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap. Penukaran kod jenis ini wujud sebagai satu yang penuh atau lengkap. Sesuatu ayat berlainan kod diselitkan ke dalam ujaran dikatakan sebagai penukaran kod peringkat ayat. Kod yang dimaksudkan boleh jadi satu bahasa atau variasi bahasa dan sebagainya.

1.8 Kesimpulan

Secara kesimpulannya bab ini membincangkan mengenai latarbelakang di mana kajian ini dilakukan dan masalah yang akan dikaji. Bagi memfokuskan kajian, pengkaji telah menyatakan objektif kajian dan soalan-soalan kajian yang perlu dicari jawapan baginya. Selain itu, bab ni juga membincangkan mengenai batasan-batasan kajian dan kepentingan hasil kajian ini.